Pemangkin Fikiran Rakyat
www.utusan.com.my
UTUSAN MALAYSIA

HARI : SABTU
TARIKH : 21/9/2019
M/SURAT : 6

# Rakyat hilang hak pembelian minyak masak subsidi

**KUALA LUMPUR 20 Sept.** – Kekurangan bekalan minyak masak subsidi akibat penyeludupan akan menyebabkan rakyat hilang hak pembelian minyak itu dengan harga subsidi oleh kerajaan dan memaksa membeli dengan harga pasaran jika ia tidak dikawal.



Penganalisis Ekonomi yang juga Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School (PBS), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff (**gambar**) berkata, kesan daripada penyeludupan minyak masak subsidi ini sudah tentu memberi beberapa kesan kepada negara dan rakyat jika ia tidak dibanteras.

Katanya, negara kerugian ratusan juta dalam pemberian subsidi kerana minyak masak bersubsidi sepatutnya sampai ke rakyat tetapi pergi ke pihak yang tidak sepatutnya.